

Oleh Presiden
Thomas S. Monson



Tanggungjawab Kita untuk Menyelamat

Untuk Orang-orang Suci Zaman Akhir, keperluan untuk menyelamatkan saudara saudari kita yang, demi apa alasan pun, sudah meninggalkan Gereja ialah satu kepentingan abadi. Adakah kita tahu sesiapa yang buat satu masa dulu mematuhi injil? Jika ada, apakah tanggungjawab kita untuk menyelamatkan mereka?

Fikir tentang orang yang sesat di antara yang tua, yang balu atau duda, dan yang sakit. Mereka sering kali berada pada belantara pengasingan yang kering dan terbiar yang dipanggil kesunyian. Bila masa muda tinggal, bila kesihatan merosot, bila tenaga menjadi semakin kurang, bila nyala harapan berkelip-kelip dengan lemah, mereka boleh ditolong dan disokong oleh tangan yang rela membantu dan hati yang berbelas kasihan.

Ada juga orang lain yang memerlukan penyelamatan. Ada orang yang berjuang dengan dosa, ada orang yang sesat kerana ketakutan atau apati atau kejahilan. Apa pun alasan mereka, mereka sudah mengasingkan diri sendiri dari Gereja. Mereka akan terus menjadi sesat sehingga kita—ahli Gereja yang aktif—berhasrat untuk menyelamatkan dan menolong.

Seseorang untuk Menunjukkan Jalan

Saya menerima satu surat dari seorang lelaki yang sudah meninggalkan Gereja. Ini satu contoh tipikal banyak ahli gereja kita. Selepas menghuraikan cerita tentang bagaimana dia menjadi kurang aktif, dia tulis:

“Saya pernah memiliki banyak dan sekarang saya tidak. saya tidak gembira dan berasa saya gagal dalam segala perkara. saya selalu memiliki kesaksian tentang injil, walaupun saya tidak mematuhi injil dengan sepenuhnya. Saya mintakan doa anda.

“Sila jangan lupakan kami yang sesat—Orang-orang Suci Zaman Akhir yang sesat. Saya tahu di mana Gereja berada, tetapi kadang kala saya perlukan seseorang untuk menunjukkan saya jalan itu, untuk menggalak saya, untuk menghapuskan ketakutan saya, dan memberi kesaksian kepada saya.”

Semasa saya membaca surat ini, saya fikir tentang satu kunjungan saya ke satu galeri seni yang agung di dunia ini—Muzium Victoria dan Albert di London, England. Satu lukisan dari tahun 1831 oleh Joseph Mallord William Turner berada di situ. Pada gambar itu, dia lukiskan awan yang hitam dan laut yang bergolak

meramalkan bahaya dan kematian. Satu tereng dari kapal yang terdampar bersinar dari jauh. Pada latar depan, satu bot keselamatan dicampak oleh ombak. Para lelaki menarik dayung semasa bot keselamatan itu membenam dalam ribut. seorang isteri dan dua orang kanak-kanak berdiri di pantai, mereka basah kerana hujan dan mereka dipukul oleh angin. Mereka memandang ke arah laut dengan cemas. Saya meringkaskan nama lukisan itu dalam akal saya. Bagi saya, lukisan itu menjadi *Datang untuk Menyelamat*.¹

Pada masa kesukaran hidup kita, bahaya berhampiran. Lelaki dan perempuan, budak lelaki serta budak perempuan terdampar dan menghadap kemusnahan. Siapa akan tinggalkan kesenangan rumah dan keluarga, dan mengarahkan bot keselamatan untuk menyelamatkan orang yang terdampar?

Tugas kita bukan perkara yang mustahil. Kita berada pada tugas suruhan Tuhan; kita berhak untuk menerima bantuan-Nya.

Semasa pelayan Guru, dia memanggil para nelayan dari Galilee untuk meninggalkan jala mereka dan mengikut Dia, dan berkata, “Aku akan mengajar kamu menjala orang.”² Semoga kita bersatu dengan askar nelayan-Nya, supaya kita boleh memberi bantuan.

Tugas kita adalah untuk menolong orang yang sudah menjadi tidak aktif, supaya mereka boleh mendengar firman Tuhan, untuk menikmati teman Roh-Nya, dan “bukan lagi orang asing ataupun pendatang. Sekarang [mereka] warga umat Tuhan dan anggota keluarga Tuhan.”³

Asas Kasih Sayang

Ada dua alasan yang menyebabkan seseorang kembali ke Gereja dan mengubah sikap, tabiat, dan tindakan mereka. Pertama, mereka kembali ke Gereja kerana seorang sudah menunjuk mereka kemungkinan abadi mereka dan menolong mereka untuk membuat keputusan untuk mencapai kemungkinan itu. Mereka yang kurang aktif tidak akan berpuas hati dengan kesederhanaan selepas mereka dapat lihat keunggulan yang mungkin mereka capai.

Kedua, mereka kembali kerana orang yang kasih

mereka atau “warga umat Tuhan” lain mengikut teguran Juruselamat, menyayangi jiran mereka serupa diri sendiri,⁴ dan menolong orang lain untuk mencapai harapan mereka.

Katalis dalam proses ini sudah—dan akan terus tetap menjadi—asas kasih sayang.

Jadi, orang yang terdampar di ribut laut dalam lukisan Turner adalah seperti ahli-ahli Gereja yang kurang aktif yang menunggukan penyelamatan dari mereka yang mengarahkan bot keselamatan. Mereka inginkan pertolongan. Ibu dan bapa berdoa untuk anak-anak mereka. Isteri menyeru kepada syurga supaya suami mereka boleh diselamatkan. Kadang kala kanak-kanak berdoa bagi ibu bapa mereka.1

Saya berdoa supaya kita berhasrat untuk menyelamatkan ahli-ahli yang kurang aktif dan bawakan mereka kembali ke kebahagiaan injil Yesus Kristus, supaya mereka boleh menikmati berkat-berkat keahlian Gereja ini.

Semoga kita menghulurkan tangan untuk menyelamatkan orang di sekeliling kita yang sesat: yang tua, balu atau duda, yang sakit, mereka yang tidak upaya, yang kurang aktif, dan orang yang tidak mematuhi perintah. Semoga kita menghulurkan tangan yang rela untuk menolong dan hati yang berbelas kasihan. Dengan membuat demikian, kita akan bawakan kebahagiaan ke hati mereka, dan kita akan mengalami kepuasan kaya yang datang bila kita membantu orang lain sepanjang jalan yang menuju ke hidup abadi.

NOTA

1. Tajuk penuh lukisan itu ialah *Life-Boat and Manby Apparatus Going Off to a Stranded Vessel Making Signal (Blue Lights) of Distress*.

2. Matius 4:19.

3. Efesus 2:19.

4. Lihat Matius 22:39.

MENGAJAR DARI PESANAN INI

Bertimbang untuk menanya orang yang anda ajar jika mereka tahu seseorang yang menghadap kesukaran untuk menghadiri gereja. Anda boleh pilih seorang itu dan berbincang tentang cara untuk menunjukkan kasih sayang, seperti menjemput mereka untuk mengambil bahagian dalam malam keluarga atau makan bersama-sama.

REMAJA

Kurnia Jen

Oleh Josi S. Kilpack

Saya buat banyak pilihan yang buruk semasa sekolah menengah. Pilihan-pilihan itu mendatangkan akibat yang serius dan yang tidak gembira, saya pun buat keputusan untuk mengubah sepanjang cuti sekolah musim panas. Bila sekolah bermula, saya makan dalam tandas atau tempat yang kosong untuk mengelakkan perhubungan buruk yang menunggukan saya.

Saya berasa sangat sunyi.

Tuhan berikan saya satu kurnia: Dia hantarkan Jen. Dia tidak menghakim saya kerana kesilapan saya tetapi dia menggalak saya untuk terus bergerak terhadap arahan yang betul. Kerana saya tahu Jen akan berada di sekolah, itu menolong saya terus membaca kitab suci dan menjaga kesaksiaan saya. Bila hari pengijazahan sampai, saya membuktik kepada diri sendiri bahawa saya sudah berhasrat untuk mengubah.

Kadang kala saya fikir di manakah akan saya berada jika Jen tidak menghulurkan tangan kepada saya. Adakah saya akan terikat kepada asas-asas saya tanpa dia? Mujurnya, saya tidak akan tahu kerana dia rela dan sedia menolong saya dengan sepenuh hati.

Pengarang ini dari Utah, USA.

KANAK-KANAK

Cara-cara untuk Menyelamat

President Thomas S. Monson mengajar bahawa kita harus menghulurkan tangan kepada orang lain, termasuk orang tua, balu atau duda, orang yang kurang aktif, dan orang yang perlukan bantuan tambahan. Fikir tentang orang yang anda kenali yang mungkin perlukan pelayanan ini.

Tuliskan atau lukiskan gambar tentang idea-idea cara anda boleh menolong orang-orang itu. Anda boleh minta ibu bapa anda tentang idea-idea itu dan kemudian cuba lakukan salah satu idea-idea itu minggu ini.



Iman, Keluarga, Pertolongan

Misi Ilahi Yesus Kristus: Pencipta

Pelajarilah pesanan ini secara penuh doa dan, sebagaimana sesuai, berbincang mengenainya dengan saudara yang anda kunjungi. Gunakan soalan-soalan yang di bawah untuk menolong menguatkan para saudara yang anda ajar dan membuat Lembaga Pertolongan sebahagian giat dalam hidup anda sendiri. Untuk maklumat lebih lanjut, layari www.reliefsociety.lds.org.

Ini pesanan pertama dalam satu siri Pesanan Pengajaran Berkunjung yang memberi keutamaan kepada aspek misi Juruselamat.

Yesus Kristus “menciptakan langit dan bumi” (3 Nefi 9:15). Dia buat demikian melalui kuasa imamat, di bawah arahan Bapa Syurgawi (lihat Musa 1:33).

“Kita harus bersyukur bahawa seorang Pencipta yang bijaksana ciptakan bumi dan letakkan kita di sini,” kata Presiden Thomas S. Monson, “. . . supaya kita dapat mengalami masa cubaan, dan peluang untuk membuktikan diri sendiri untuk menjadi layak untuk menerima segala yang sudah Tuhan sediakan untuk kita.” Bila kita gunakan hak pilihan kita untuk mematuhi perintah-perintah Tuhan dan bertaubat, kita menjadi layak untuk kembali dan hidup bersama Dia.

Mengenai Penciptaan, Presiden Dieter F. Uchtdorf, Penasihat Kedua dalam Presidensi Utama, berkata:

“Kitalah sebab Dia ciptakan alam semesta! . . .

“Ini satu paradoks manusia: berbanding dengan Tuhan, manusia

tidak bererti; tetapi manusia ialah segala bagi Tuhan.” Pengetahuan bahawa Yesus Kristus ciptakan bumi untuk kita kerana kita ialah segala bagi Bapa Syurgawi boleh menolong kita meningkatkan kasih sayang terhadap Mereka.

Dari Tulisan Suci

Yohanes 1:3; Ibrani 1:1–2; Mosia 3:8; Musa 1:30–33, 35–39; Ibrahim 3:24–25

Dari Sejarah Kita

Kita sudah dicipta dalam imej Tuhan (lihat Musa 2:26–27), dan kita memiliki potensi ilahi. Nabi Joseph Smith menegur para saudara di Lembaga Pertolongan untuk “bertindak menurut hak istimewa [mereka].”³ Dengan galakan itu sebagai dasar, para saudara dalam Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir sudah diajar untuk bertindak menurut potensi ilahi mereka dengan menunaikan tujuan Tuhan bagi mereka. “Bila mereka faham tentang identiti mereka—anak-anak perempuan Tuhan, dengan kapasiti untuk menyayangi

dan menjaga—mereka mencapai potensi mereka sebagai wanita yang suci.”⁴

“Anda diletakkan dalam situasi di mana anda boleh bertindak menurut simpati yang Tuhan berikan anda,” kata Nabi Joseph Smith. “Betapa baiknya jika anda mematuhi asas-asas itu!—Jika anda bertindak menurut hak istimewa anda, para malaikat tidak boleh dihalang untuk menjadi teman anda.”⁵

NOTA

1. Thomas S. Monson, “The Race of Life,” *Liahona*, Mei 2012, 91.
2. Dieter F. Uchtdorf, “You Matter to Him,” *Liahona*, Nov. 2011, 20.
3. Joseph Smith, dalam *Daughters in My Kingdom: The History and Work of Relief Society* (2011), 171.
4. *Daughters in My Kingdom* 63.
5. Joseph Smith, dalam *Daughters in My Kingdom*, 169.

Apa yang Dapat Saya Lakukan?

1. Bagaimana kita boleh meningkatkan kasih sayang kita terhadap Juruselamat dengan memafami sifat ilahi kita ?
2. Bagaimana kita boleh menunjukkan kesyukuran kita kepada penciptaan Tuhan?